



BAB 9
MENGUKUHKAN
SISTEM
PENYAMPAIAN
KEMENTERIAN
PENGAJIAN
TINGGI

MENGUKUHKAN SISTEM PENYAMPAIAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

PENDAHULUAN

9.01 Pengajian tinggi mempunyai peranan penting untuk merealisasikan wawasan negara seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020 dan Teras Misi Nasional dalam RMKe-9. Penubuhan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) pada 27 Mac 2004 bertujuan memperkukuh landasan pembangunan pengajian tinggi negara sesuai dengan acuan pembangunan modal insan dalam konteks sosioekonomi negara dan global. KPT bertanggungjawab ke atas hal ehwal pengajian tinggi yang merangkumi IPTA, IPTS, politeknik dan kolej komuniti. Matlamat KPT menjelang tahun 2020 adalah untuk memastikan sistem penyampaian pengajian tinggi dilaksanakan dengan berkesan dan cemerlang bagi memenuhi aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa.

STATUS SEMASA

Struktur tadbir urus

9.02 Bagi melaksanakan tanggungjawab KPT mengenai hal ehwal pengajian tinggi, kerajaan telah menubuhkan/menempatkan beberapa jabatan/agensi berkaitan di bawahnya. Jabatan/agensi berkenaan adalah seperti yang berikut:

- Jabatan Pengajian Tinggi (JPT);
- Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK);
- Lembaga Akreditasi Negara (LAN);
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN);
- Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR); dan
- Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKePT).

9.03 Kerajaan telah menetapkan aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa menjelang tahun 2020. Untuk merealisasikan aspirasi tersebut, KPT perlu mewujudkan persekitaran pengajian tinggi yang kondusif ke arah menghasilkan pusat ilmu yang unggul, insan yang kompeten, berinovasi serta berakhlak mulia untuk memenuhi keperluan negara dan di peringkat antarabangsa.

9.04 Dalam usaha memperkemaskan jentera pentadbiran dan tadbir urus, KPT telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk mengkaji dan menggubal beberapa perundangan mengenai sistem pengajian tinggi. Akta yang terlibat dengan kajian semula atau penggubalan ini adalah seperti yang berikut:

- Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 1996) (Akta 30);
- Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 (Akta 546);
- Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555);
- Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 (Akta 556);
- Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566);
- Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1996 (Akta 389);
- Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174);
- Akta Agensi Kelayakan Malaysia (2007)¹⁰; dan
- Akta Pengajian Tinggi Negara (2008)¹¹

9.05 Bagi memantapkan fungsi KPT, akta di atas dijadikan landasan untuk memastikan program

pengajian tinggi dapat dilaksanakan secara teratur dan sistematik ke arah pencapaian matlamat. Dalam usaha untuk menambah baik fungsi dan peranan KPT, pendekatan yang lebih fleksibel akan disediakan kepada IPT supaya sistem tadbir urus dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan pantas. Di samping itu, sistem penyampaian pengajian tinggi yang cekap, telus dan berkesan penting bagi memastikan visi pengajian tinggi dapat dicapai secara berterusan. Hal ini bermakna fungsi KPT akan beralih daripada memberikan penekanan terhadap kawal selia undang-undang (*regulator*) kepada fungsi pemudah cara (*facilitator*) agar persekitaran yang lebih kondusif dapat diwujudkan untuk perkembangan dan kecemerlangan pengajian tinggi.

9.06 Untuk mencapai kecemerlangan dalam sistem penyampaian KPT, faktor penggerak seperti tadbir urus, budaya, infrastruktur dan sumber akan dijadikan asas terpenting. Tadbir urus yang baik menjurus kepada peningkatan ketelusan, integriti dan akauntabiliti bagi kecemerlangan KPT. Penerapan nilai murni seperti keikhlasan, etika kerja yang tinggi, jujur, cekap dan amanah hendaklah dijadikan landasan budaya kementerian bagi mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan harmoni serta produktif. Infrastruktur dan sumber kementerian diagihkan secara optimum dan seimbang bagi membantu proses kerja serta sistem penyampaian terbaik.



¹⁰ Akan menggantikan Ahli Lembaga Akreditasi Negara 1996.
¹¹ Dijangka pembentangnya pada sesi Parlimen awal 2008.

- 9.07 Untuk memastikan jentera pentadbiran KPT dan IPT ditadbir urus dengan efisien, efektif dan berintegriti, beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan seperti Jawatankuasa e-Perolehan, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan. Bagi IPTA, penambahbaikan tadbir urus dicapai melalui pindaan yang sewajarnya kepada Akta berkaitan. Langkah yang diambil dijangka akan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, terutamanya kepada orang ramai dan memenuhi kehendak pihak berkepentingan.
- 9.08 Dalam usaha untuk memperkukuh sistem penyampaian KPT, amalan tadbir urus terbaik diterapkan kepada semua peringkat organisasi di bawah KPT. Paling penting, kecekapan dan ketelusan perlu ditingkatkan dengan menasarkn setiap individu yang terlibat dalam tadbir urus melaksanakan tugas dengan jujur, amanah dan ikhlas. Tadbir urus terbaik akan mudah diaplikasikan kepada semua peringkat organisasi KPT apabila kepimpinan organisasi menjadi terbaik. Kesilapan mungkin berlaku dan masalah akan timbul sepanjang pelaksanaan tadbir urus tetapi kesemua ini dapat diatasi dengan sebaik-baiknya apabila wujud permuafakatan dan persekitaran yang kondusif serta kerja yang berkualiti.
- 9.09 Proses penambahbaikan secara berterusan dijadikan pegangan dalam pencapaian tadbir urus terbaik berdasarkan perubahan semasa dalam dunia pengajian tinggi, pembangunan ekonomi, keperluan dan pasaran guna tenaga negara, perkembangan teknologi dan sosioekonomi masyarakat. Mengikut kesesuaian, bukan hanya perkembangan dan perubahan dalam negara yang perlu dipertimbangkan tetapi ia harus menjangkau untuk melihat perubahan pada peringkat antarabangsa dan fenomena globalisasi bagi meningkatkan daya saing dan daya tahan pengajian tinggi negara di peringkat global.

Budaya kerja cemerlang

- 9.10 Dalam usaha mewujudkan budaya kerja cemerlang di KPT, visi, misi, objektif strategik dan sistem nilai KPT telah dikaji semula dan telah mendapat persetujuan oleh semua pihak berkepentingan dalam KPT. Untuk menerapkan pembudayaan visi dan misi KPT, maka kod etika kerja telah disediakan sebagai panduan warga KPT mengotakan janji dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing terhadap diri, organisasi, perkhidmatan dan negara. Kod etika tersebut termasuk akauntabiliti, amanah, kerjasama, kompeten dan responsif.
- 9.11 Dialog berterusan dengan pihak berkepentingan khususnya pihak majikan dan industri adalah perlu bagi mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dan kondusif serta menambah baik sistem penyampaian KPT.
- 9.12 KPT mengamalkan komunikasi dua hala yang menekankan kepada nilai murni seperti amanah, benar, bijaksana, adil, telus dan bersyukur dijadikan nilai induk warga KPT yang disampaikan secara dari atas ke bawah oleh Ketua Jabatan. Di samping itu, penetapan nilai kembangan telah dilaksanakan melalui konsep dari bawah ke atas. Setiap Ketua Jabatan mesti mengenal pasti tugas, teras atau aktiviti induk entiti masing-masing dan menggubal nilai yang sesuai dan relevan dengan kepakaran serta operasi organisasinya secara khusus.

- 9.13 Pembudayaan nilai teras korporat dilaksanakan melalui kursus-kursus yang dianjurkan kepada semua warga KPT. Budaya korporat yang diamalkan oleh warga KPT adalah seperti yang berikut:

- Berintegriti – melaksanakan amanah dan kuasa dengan jujur, adil dan saksama;
- Profesionalisme – berilmu dan berkemahiran tinggi;
- Semangat Kerja Berpasukan – bekerjasama dalam melaksanakan tugas;
- Berorientasikan Pelanggan – menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan; dan
- Berorientasikan warga – prihatin terhadap warga dan mengutamakan kepentingan organisasi.

Sumber

- 9.14 Sumber kewangan merupakan antara elemen terpenting bagi menentukan kejayaan sesuatu program dan aktiviti. Sejak ditubuhkan KPT diberi peruntukan yang besar oleh kerajaan bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunannya, seiring dengan keperluan negara dan permintaan terhadap akses pengajian tinggi yang semakin meningkat. Pada tahun 2007, KPT termasuk semua IPTA telah diperuntukkan perbelanjaan mengurus sebanyak RM6.8 bilion. Jumlah ini merupakan peningkatan lebih daripada dua kali ganda berbanding dengan peruntukan pada tahun 2004 sebanyak RM3.1 bilion. Peruntukan belanja mengurus akan meningkat apabila beberapa IPTA yang ditubuhkan mencapai kematangannya dan jumlahnya akan melebihi RM7 bilion setahun.
- 9.15 Di bawah RMKe-9, kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM18.4 bilion dan ini merupakan peningkatan sebanyak 35.3 peratus berbanding dengan peruntukan di bawah RMKe-8 sebanyak RM13.6 bilion. Purata tahunan peruntukan pembangunan adalah kira-kira RM4 bilion setahun. Jumlah keseluruhan peruntukan mengurus dan pembangunan adalah sebanyak RM11 bilion setahun. Di samping itu, kerajaan juga menanggung kira-kira RM500 juta setahun untuk membiayai subsidi pinjaman PTPTN. Angka ini dijangka akan terus meningkat pada masa yang akan datang.
- 9.16 Dari segi penanda aras antarabangsa, Malaysia membelanjakan 2.7 peratus daripada KDNK untuk pengajian tertiar dalam tahun 2005. Peratusan ini adalah tinggi berbanding dengan



purata negara OECD (1.3 peratus)¹² seperti dalam **Jadual 9.1**. Peruntukan pengajian tinggi yang tinggi ini berupaya meningkatkan pencapaian KPT secara keseluruhannya dari segi daya saing dan daya tahan institusi di bawahnya terutama IPTA. KPT mempunyai peranan penting untuk memastikan supaya semua tatacara kewangan dipatuhi bukan sahaja olehnya tetapi agensi di bawah jagaannya.

Jadual 9.1
Perbelanjaan Awam untuk Pendidikan Tertiar, Tahun 2005

Negara	Peratus Perbelanjaan daripada KDNK untuk Pendidikan Tertiar
Filipina	0.7
India	0.7
China	0.8
Thailand	1.0
United Kingdom	1.1
Jerman	1.2
Ireland	1.2
Purata OECD	1.3
Amerika Syarikat	1.4
Finland	1.7
Sweden	2.2
Korea Selatan	2.4
Malaysia	2.7

Sumber: Draf Laporan *Malaysia and the Knowledge Economy : Building a World-Class Higher Education System 2007*

¹² Draf Laporan *Malaysia and The Knowledge Economy : Building a World-Class Higher Education System 2007*, muka surat 34.

9.17 Di samping aspek kewangan, perancangan sumber manusia juga penting bagi menentukan organisasi dapat berfungsi dengan lancar dan berkesan. Kecemerlangan KPT amat bergantung pada sumber tenaga manusia yang mahir, berpengetahuan dan inovatif untuk meningkatkan sistem penyampaiannya KPT agar KPT dapat berdaya saing di peringkat serantau dan global. Sehingga bulan April 2007, KPT mempunyai 767 orang warga kerja dan jumlah ini akan ditambah berikutan cadangan penstrukturan semula yang telah dikemukakan kepada agensi pusat. Untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran warga KPT, program latihan berterusan disediakan kepada kakitangan KPT untuk melengkapkan mereka dengan perkembangan terkini, penggunaan teknologi terbaik dan mesra pelanggan. Selaras dengan ketetapan yang dibuat oleh pihak kerajaan, KPT akan memastikan setiap warga KPT menjalani kursus 7 hari dalam setahun dan sekurang-kurangnya 1 peratus daripada jumlah emolumen diperuntukkan bagi tujuan latihan.

Infrastruktur dan infostruktur

9.18 Dalam menghadapi era globalisasi, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) menjadi pemangkin kepada perkembangan maklumat serta pengetahuan. Bagi memantapkan sistem penyampaian KPT, penggunaan ICT secara meluas akan memudahkan akses kepada maklumat dan pangkalan data. Antara aplikasi dalam talian yang disediakan ialah:

- i. Permohonan Kemasukan ke IPTA;
- ii. Keputusan kemasukan program pengajian sarjana perubatan;
- iii. e-Perolehan;
- iv. Sistem maklumat IPTA;
- v. Sistem pertanyaan dan aduan awam (ICMS);
- vi. Sistem kajian pengesanan graduan; dan
- vii. Direktori profil kepakaran akademik.

9.19 Perancangan infrastruktur dan infostruktur yang seimbang telah membantu IPTA mengembangkan kapasiti serta keupayaannya dalam menyediakan program pengajian seiring dengan permintaan yang sentiasa meningkat dan dinamik. Di samping itu, pengagihan peruntukan untuk infrastruktur dan infostruktur perlu dibuat secara telus dan saksama agar tiada perbezaan yang ketara antara institusi awam di bawah pengawasan KPT.



CABARAN

- 9.20 Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, pengajian tinggi negara telah berkembang dengan pesat. Perkembangan ini dapat dilihat daripada pertambahan bilangan IPT kepada 20 buah IPTA, 21 politeknik, 37 kolej komuniti dan 521 IPTS yang menawarkan pelbagai program pengajian pada peringkat sijil, diploma, ijazah pertama dan ijazah lanjutan. Dalam RMKe-9, bilangan pusat pengajian tinggi terus meningkat untuk menampung permintaan rakyat sejajar dengan dasar peluasan akses pengajian tinggi negara. Cabaran yang dihadapi oleh KPT adalah untuk menyediakan kemudahan ini mengikut perancangan dan memastikan supaya setiap perbelanjaan dilakukan secara berhemah dan menghasilkan output yang memuaskan.
- 9.21 Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa, penting bagi universiti di negara ini mempunyai identiti yang mencerminkan kekuatan dalam bidang tertentu. Kewujudan *niche* dalam sesuatu bidang akan meningkatkan daya saing dan kecemerlangan yang setanding dengan kebanyakan universiti temama di luar negara. Hal ini akan meningkatkan lagi tahap kecekapan pengurusan institusi berkenaan. Aspirasi menjadikan Malaysia hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak dan perlu dilakukan secara berkesan.
- 9.22 Menyedari bahawa modal insan adalah penting kepada pembangunan negara, kerajaan telah menyediakan peruntukan besar kepada IPTA setiap tahun. Peruntukan ini akan memperkukuh institusi berkenaan melalui penyediaan kemudahan terkini yang diperlukan dan akan membolehkan IPTA memainkan peranannya sebagai pembekal pengajian tinggi secara berkesan. Dengan ini, IPTA mampu untuk menyumbang ke arah menjadikan Malaysia hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Usaha ini meliputi pembangunan keupayaan (*capacity building*), peluasan akses dan peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran.
- 9.23 Dalam era globalisasi, cabaran pembangunan modal insan akan terus diberi penekanan dengan meningkatkan kemahiran, pembelajaran dan penyemaian nilai murni serta akhlak yang mulia. Penekanan ini akan membantu ke arah pencapaian taraf negara maju menjelang tahun 2020. Bagi memperkasakan IPT, usaha pengantarabangsaan pengajian tinggi sedang diambil untuk meningkatkan daya saing global dan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke Malaysia. Di samping itu, kerjasama negara dan organisasi antarabangsa akan dimantapkan menerusi pertukaran ahli akademik, pelajar dan program pembelajaran. Ini akan dapat merapatkan jurang ilmu pengetahuan, mengurangkan penghijrahan cendekiawan (*brain drain*) dan menjalin kerjasama antarabangsa.
- 9.24 Dalam mengukuhkan sistem penyampaian, peranan KPT akan bertindak lebih kepada pemudah cara dan penggerak secara berperingkat menuju kecemerlangan sistem pengajian tinggi negara. Hal ini dapat dicapai melalui amalan terbaik tadbir urus yang mencerminkan integriti dan tanggungjawab institusi dalam mencapai objektif masing-masing. Di samping itu, KPT berhasrat menyediakan prosedur kerja yang lebih fleksibel, menurunkan kuasa untuk mengurangkan karenah birokrasi, menggubal dasar serta hala tuju pengajian tinggi supaya IPT dapat berkembang dan maju sejajar dengan Misi Nasional.

OBJEKTIF

9.25 Objektif teras ini adalah seperti yang berikut:

- i. Memastikan dasar dan perundangan berkaitan dengan KPT sentiasa relevan dan terkini.
- ii. Memantapkan sistem penyampaian terbaik dalam memperkasakan KPT.
- iii. Menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan pengajian tinggi bagi memastikan kualiti dan akauntabiliti IPT.

STRATEGI

9.26 Untuk mencapai objektif di atas, strategi berikut dicadangkan:

Pemantapan Dasar dan Perundangan

- i. Memudah cara dan menyelaraskan pelaksanaan.
- ii. Memperteguh standard pengajian tinggi selaras dengan piawaian antarabangsa.
- iii. Melaksanakan proses autonomi kepada IPTA secara berperingkat.
- iv. Menghasilkan lebih ramai intelektual yang bertaraf dunia untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang disegani oleh negara lain.
- v. Menyuntik semangat inovasi dalam keseluruhan sistem pengajian tinggi yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pembangunan serta pengkomersialan bagi menghasilkan modal insan yang inovatif dan kreatif.
- vi. Meneruskan pelaksanaan program politeknik dan kolej komuniti bertujuan untuk memberikan pengetahuan asas pendidikan teknikal/vokasional kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan masyarakat awam yang berminat.
- vii. Memantapkan perundangan pengajian tinggi supaya sentiasa relevan kepada perkembangan semasa.
- viii. Menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan pengajian tinggi.
- ix. Memastikan program jaminan kualiti dijalankan secara telus dan saksama melalui Akta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Akta IPTS.



Sistem Penyampaian Terbaik

- i. Memantapkan sistem penyampaian pengajian tinggi sejajar dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara role model dalam kecemerlangan akademik, penyelidikan dan pembangunan.
- ii. Memastikan penggunaan ICT secara meluas dalam sistem penyampaian untuk meningkatkan kecekapan, pengumpulan dan penyebaran maklumat dalam pengurusan pengajian tinggi.
- iii. Memantapkan kesepadanan graduan dengan pasaran kerja, membantu dalam kajian pasaran kerja dan penyebaran dapatan, memantau dan menilai IPT dari segi pasaran kerja.
- iv. Memantapkan rangkaian bestari dengan badan akreditasi dan pengiktirafan pengajian tinggi di seluruh dunia supaya piawaian pemantauan kualiti antarabangsa dapat diamalkan dan seterusnya memudahkan IPT negara mendapat pengiktirafan antarabangsa.

PELAN TINDAKAN MENJELANG TAHUN 2020

Pemantapan Dasar, Perundangan dan Penyelarasan

9.27 Untuk memantapkan dasar dan perundangan, langkah berikut akan dilaksanakan:

- i. Menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan bagi memantau dan menilai pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara menerusi Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Ahli Jawatankuasa akan terdiri daripada pegawai kerajaan, pihak swasta dan tokoh terkemuka. Di samping itu, Pejabat Pengurusan Program (*Programme Management Office PMO*) akan ditubuhkan yang bertindak sebagai urus setia Jawatankuasa Pemantauan dan menguruskan pelaksanaan program yang digariskan dalam Pelan Strategik ini.
- ii. Menubuhkan Jawatankuasa Kabinet mengenai pengajian tinggi yang dipengerusikan oleh sama ada Y.A.B. Perdana Menteri atau Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai, antaranya, oleh Menteri berkenaan. Tujuan Jawatankuasa ini adalah untuk menyelaraskan isu berkaitan dengan pengajian tinggi termasuk dari segi jaminan kualiti, penyelarasan program dan kursus untuk mengelakkan pertindihan, perbincangan isu strategik pengajian tinggi dan peningkatan kualiti pengajian tinggi negara. Jawatankuasa ini diurus setia oleh KPT.
- iii. Menubuhkan Jawatankuasa Audit KPT bagi memantau dan menilai keberkesanan sistem penyampaian IPTA dan IPTS secara menyeluruh menerusi Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Ahli Jawatankuasa akan terdiri daripada pegawai kerajaan, pihak swasta dan tokoh terkemuka.

- iv. Menyelaraskan dasar dan perundangan menerusi Jawatankuasa Bersama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWA), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) serta Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan agensi lain yang berkaitan.
- v. Memperkenalkan strategi pembiayaan penyelidikan secara kompetitif.
- vi. Menyediakan geran untuk melindungi harta intelek.
- vii. Memantapkan Jawatankuasa Penyemakan dan Penggubalan Dasar yang mengkaji semula peranan KPT dalam urus tadbir IPT dengan tujuan melaksanakan penurunan kuasa yang dapat membantu IPT menjadi lebih cemerlang.
- viii. Menurunkan kuasa tertentu KPT kepada universiti mengikut keperluan.
- ix. Mempertingkatkan program kerjasama di kalangan IPT, politeknik dan kolej komuniti dengan pihak industri dan komuniti dalam bidang latihan, penyelidikan, kepakaran dan perundingan secara bersepadu untuk menambah baik sistem pengajian tinggi.
- x. Menggalakkan IPT menjana pendapatan sendiri melalui program perkembangan pendidikan, penyelidikan, pengkomersialan dan perundingan berkontrak.
- xi. Memperbaharui dan memudahkan kaedah pembiayaan penyelidikan, peraturan kewangan dan pentadbiran yang berkaitan yang menyokong pelan strategik pengajian tinggi, untuk memudahkan dan menggalakkan inovasi dalam sektor IPT.
- xii. Menambah baik skim pembiayaan dan pinjaman untuk menjamin akses dan ekuiti pengajian tinggi secara berterusan.
- xiii. Meminda dan menggubal akta dan peraturan pengajian tinggi supaya relevan dengan perkembangan pengajian tinggi semasa.



- xiv. Memantapkan jentera dan program penguatkuasaan bagi menjamin kualiti dan akauntabiliti IPT.
- xv. Menetapkan proses autonomi dimulakan di pusat kecemerlangan IPTA mengikut KPI yang ditetapkan.
- xvi. Memantapkan jentera penguatkuasaan Sektor Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (SPIPTS) dan LAN untuk membolehkan penyeliaan kualiti dapat dijalankan secara lebih kerap dan menyeluruh serta undang-undang dipatuhi.

Sistem Penyampaian Terbaik

9.28 Bagi meningkatkan sistem penyampaian terbaik, langkah berikut akan dilaksanakan:

- i. Mempertingkatkan aplikasi ICT dalam segala aspek seperti e-kemasukan, sistem pengesanan graduan, direktori kepakaran IPT dan sistem pengurusan pertanyaan dan aduan (ICMS).
- ii. Memantapkan sistem pengesanan graduan bagi mengetahui tahap kesepadanan graduan dengan pasaran kerja dan melaksanakan kajian pasaran kerja termasuk penyebaran maklumat kerjaya.
- iii. Menetapkan KPI dan sasaran yang sesuai di semua peringkat yang terlibat dalam pelaksanaan pelan.
- iv. Menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Pelan Strategik Pengajian Tinggi di KPT untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan strategik dan tindakan dalam pelan.
- v. Mempertingkatkan keupayaan pengumpulan, penyusunan dan penganalisan data berkaitan dengan semua aspek pengajian tinggi.
- vi. Menyampaikan analisis dapatan mengenai isu strategik pengajian tinggi sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa yang dapat membantu proses membuat pengubalan dasar dan keputusan.
- vii. Mewujudkan satu mekanisme untuk menggalakkan dan memupuk kolaborasi di kalangan IPT untuk tujuan pembangunan sumber manusia penyelidikan, perkongsian prasarana dan kemudahan.

Pewujudan Budaya Korporat yang Cemerlang

- 9.29 Bagi menjadikan KPT sebagai satu organisasi yang cemerlang setanding dengan beberapa agensi atau jabatan lain yang pernah memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri, maka langkah berikut akan dilaksanakan.
- i. Menggiatkan latihan selaras dengan ketetapan kerajaan supaya sekurang-kurangnya setiap warga menjalani 7 hari latihan dalam setahun di samping memperuntukkan 1 peratus daripada emolumen bagi maksud ini.
 - ii. Mempercepat proses untuk mendapat pensijilan MS ISO 9001:2000 bagi semua bahagian di KPT menjelang hujung tahun 2007.

FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

9.30 Bagi memastikan KPT mencapai taraf kecemerlangan, pengubalan dan penyelarasan dasar, sistem penyampaian dan tadbir urus yang berkaitan dengan pengajian tinggi akan dimantapkan menjelang 2020. Faktor-faktor berikut akan diberi perhatian:

- Sistem penyampaian terbaik dalam memperkasakan KPT.
- Penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan kualiti dan akauntabiliti IPT.
- Pembangunan sumber manusia serta perancangan dan pengagihan sumber kewangan dan prasarana secara optimum.

9.31 Peringkat transformasi mengukuhkan sistem penyampaian KPT bagi menyokong pembangunan modal insan berminda kelas pertama adalah seperti dalam **Rajah 9.1**.



PENUTUP

9.32 Sistem penyampaian KPT perlu dimantapkan dengan memberikan penekanan kepada struktur tadbir urus, budaya, infrastruktur dan sumber. Tadbir urus terbaik menjurus kepada peningkatan ketelusan dan integriti. Aspek budaya kerja yang menekankan nilai murni seperti keikhlasan, etika kerja yang tinggi, cekap, jujur dan amanah akan menjadi amalan setiap warga KPT. Hal ini akan mewujudkan suasana yang kondusif dan harmoni serta meningkatkan produktiviti KPT. Infrastruktur, terutamanya ICT berperanan sebagai alat yang berkesan bagi melicinkan sistem penyampaian dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Di samping itu, pelbagai latihan dan kemudahan akan terus disediakan kepada warga KPT dalam bidang ICT komunikasi, perundingan, penguatkuasaan undang-undang, dan kemahiran pengurusan bagi mempertingkatkan profesionalisme dan kepimpinan di pelbagai peringkat pelaksanaan. Dengan adanya sistem penyampaian terbaik, KPT dapat memberikan sumbangan yang signifikan bagi mencapai visi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa menjelang tahun 2020.

Rajah 9.1
Mengukuhkan Sistem Penyampaian KPT

